

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :

- (a) apakah langkah-langkah Kementerian dalam meningkatkan pemasaran kelapa sawit ke luar negara terutamanya ke negara China; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan keyakinan dan kebolehpasaran kelapa sawit ke Kesatuan Eropah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam meningkatkan pemasaran minyak kelapa sawit ke luar negara, antara langkah yang sedang diambil oleh Kementerian adalah memperkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya Negara India, China, Pakistan dan Amerika Syarikat. Kementerian juga sedang mempromosikan produk-produk sawit dengan lebih agresif bagi menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di benua Afrika dan Asia Tengah serta negara-negara timur tengah.

Secara dasarnya, langkah Kerajaan yang telah mengumumkan pengecualian 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak isirung sawit mentah dan minyak isirung sawit mentah diproses mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020, adalah untuk merancakkan lagi aktiviti eksport industri sawit negara.

Disamping itu, antara langkah tambahan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk mengukuhkan pasaran minyak sawit Malaysia di China adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji semula rundingan sedia ada bersama Kerajaan Negara China yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sebelum ini pada tahun 2019 yang antaranya juga melibatkan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Ini untuk memastikan industri sawit negara dapat terus bersaing dan meningkatkan penguasaan pasaran di negara tersebut. Langkah ini juga akan melibatkan Kementerian Luar Negeri (KLN) dalam proses mendapatkan manfaat yang lebih baik kepada negara;
- ii. Menjalinkan kerjasama dengan Negara China melalui platform dengan izin, *Palm Oil Research and Technical Service Institute* atau PORTSIM yang terletak di Shanghai, China. Melalui kerjasama ini, MPOB telah berjaya menyiapkan sebanyak 57 projek dan 34 projek telah pun dikomersialkan;
- iii. Meningkatkan kesedaran penggunaan minyak sawit untuk sektor makanan di China melalui penganjuran forum teknikal kepelbagaian

## NO.SOALAN : 34

penggunaan minyak sawit dalam produk makanan dan hasil penyelidikan pemakanan minyak sawit;

- iv. Menjalankan penyelidikan penggunaan minyak sawit dalam makanan tempatan China seperti kuih bulan yang diperbuat daripada lemak berasaskan minyak sawit, snek berasaskan minyak sawit merah, tablet susu, teh mentega Tibet, kentang putar dan lain-lain;
- v. Meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam sektor biobahan api di China melalui usaha sama dengan Universiti Tsinghua dan TUS Deqing Clean Energy Ltd. Co. dalam kajian rintis penggunaan biobahan api sawit dalam pengangkutan sanitasi di Zhaoqing, Wilayah Guangdong, China; dan
- vi. Memperluaskan penggunaan minyak sawit dalam makanan ternakan di negara China melalui usaha sama dengan institusi tempatan seperti kajian bersama *Hebei Agriculture University* berkaitan aplikasi minyak sawit dalam makanan ikan kap China, makanan ternakan lembu tenusu dan makanan anjing di China.

Bagi negara-negara Kesatuan Eropah (EU) pula, Kementerian sedang melaksanakan pelbagai langkah promosi menerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi meningkatkan kebolehpasaran produk sawit ke negara-negara EU dalam usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit negara terutamanya dari aspek kemampanan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDGs*) 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Aktiviti promosi ini juga turut melibatkan kerjasama daripada pejabat kedutaan Malaysia di Eropah khususnya bagi perkara yang melibatkan perhubungan antara Kerajaan (*Government to Government – G to G*) serta penglibatan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam aspek pemasaran.

Selain itu, perbincangan secara berterusan bersama pihak-pihak berkepentingan di EU juga giat diadakan bagi menyelesaikan isu persepsi negatif terhadap minyak sawit dengan menyampaikan hasil-hasil kajian

## NO.SOALAN : 34

saintifik berkaitan minyak sawit menerusi Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke negara-negara EU.

Antara perkara lain yang turut diketengahkan dalam sesi perbincangan dan misi tersebut adalah mengenai kesungguhan dan komitmen Malaysia dalam membangunkan industri sawit negara secara mampan menerusi pelbagai inisiatif seperti:

- i. pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori mulai 1 Januari 2020;
- ii. pengukuhan polisi dalam melestarikan aktiviti penanaman sawit negara seperti:
  1. Mengehadkan keluasan penanaman kelapa sawit seluruh negara dengan penetapan sasaran seluas 6.5 juta hektar;
  2. Larangan penanaman baharu sawit di atas kawasan baharu tanah gambut;
  3. Larangan penukaran guna tanah Hutan Simpan Kekal (HSK) bagi aktiviti penanaman sawit atau tanaman pertanian lain; dan
  4. Penyediaan peta rasmi bagi kawasan sawit untuk capaian umum.
- iii. penglibatan industri sawit negara dalam usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar termasuk pemuliharaan hutan hujan tropika dan rehabilitasi biodiversiti negara seperti orang utan dan gajah pygmy.

Pada masa yang sama, Malaysia juga akan turut mempergiatkan lagi program kerjasama bersama negara anggota EU dalam pelbagai aspek seperti kajian dan penyelidikan, kemampan dan lain-lain. Antara program sedia ada yang sedang dilaksanakan termasuklah program berkaitan kemampanan dan pembangunan pekebun kecil seperti yang dilaksanakan bersama agensi luar daripada Belanda.

Sekian, terima kasih.